

Headline **Perubatan unggul**
Date **16 Jul 2009**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Pendidikan**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **5,673**

Language **Malay**
Page No **16**
Article Size **351 cm²**
Color **One Spot Color**
PRValue **17,018**



Perubatan unggul

UCLA Medical Center jadi tumpuan golongan bangsawan, selebriti

Oleh Norliza Abdullah

THE Ronald Reagan UCLA Medical Center (UCLA Medical Center), pusat perubatan dan pengajaran University California Los Angeles, (UCLA) mencuri tumpuan ramai kerana menjadi saksi akhir detik kematian Raja Pop Dunia, Michael Jackson.

Pusat yang diasaskan pada 1919 dan menjadi rujukan rawatan golongan bangsawan dan selebriti itu dikendalikan UCLA terletak di Westwood Los Angeles, California, Amerika Syarikat.

UCLA Medical Center mempunyai sejarah pendidikan perubatan unggul kerana mempunyai tenaga pengajar, pakar

dan sistem penjagaan kesihatan terbaik dunia.

Pada 1981, hospital berkenaan mencatatkan sejarah apabila penolong profesornya menemui simptom yang dikenali sebagai serangan AIDS dan penyelidikannya juga menjadi perintis penggunaan imbasan PET dalam kajian fungsi otak.

Beroperasi di bangunan baru pada Jun 2008 di kawasan berhampiran berikutan kerosakan teruk premis asal akibat gempa Northridge 1994 dengan kos binaan serta kelengkapan bernilai lebih AS\$1 bilion (RM3.6 bilion).

Sebagai hospital pelbagai fungsi iaitu perkhidmatan rawatan, pengajaran serta penyelidikan, UCLA Medical Center menerusi pusat kajian The David Geffen School of Medicine bersama-sama kajian kejururawatan, pergigian dan kesihatan awam terus meningkatkan penyelidikan dalam menjana teknologi serta penemuan baru untuk dimanfaatkan.

Antara perancangan lima tahunnya, UCLA Medical Center terus memperkasa kajian penyelidikan stem sel meneru-

si penubuhan Institute Stem Cell Biology and Medicine yang memberi tumpuan kepada penyelidikan stem embrio.

Selain itu, projek kerjasama dengan California Nanosystems Institute juga dilaksanakan dengan University of California, Santa Barbara yang kini menjadi perintis kepada inovasi dalam bidang nanoteknologi.

Kajian serta penyelidikan secara intensif itu membolehkan farmakologinya, Louis Ignarro menemui isyarat penting molekul dalam badan manusia iaitu nitric oxide, sekali gus melayakkannya menerima anugerah Nobel Perubatan.

Kejayaan dicapai itu menjadikannya pusat perubatan

berkenaan pilihan orang kenamaan di Amerika Syarikat dan pihak pengurusan mengutamakan rahsia peribadi pesakit daripada pengetahuan umum.

Tahun lalu beberapa kakitangan UCLA Medical Center diberhenti dan dikenakan tindakan disiplin kerana mendedahkan rekod perubatan artis Britney Spears yang dirawat di wad psikiatri melahirkan bayi pertama Sean Preston.

Rahsia lain termasuk mengenai maklumat awal berhubung serangan penyakit barah terhadap bintang *Charlie's Angels*, Farrah Fawcett, yang juga meninggal dunia sehari sebelum kematian Michael Jackson.



UCLA Medical Plaza menjadi tumpuan orang kenamaan dan selebriti terkenal dunia mendapatkan rawatan perubatan.